

21hb Januari, 1976.

## **SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 4 TAHUN 1976**

### **Bayaran Bonus Kepada Kakitangan Kerajaan**

Adalah saya diarah merujuk kepada [Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 15 Tahun 1975](#) yang telah menggantung pembayaran Bonus bagi tempoh suku tahun yang akhir tahun 1975 bagi sernua pekerja-pekerja di dalam perkhidmatan awam yang menerima gaji \$1,001.00 sebulan ke atas.

2. Pertanyaan telah diterima daripada beberapa Kementerian dan Jabatan tentang kelayakan pekerja-pekerja yang diluluskan memangku jawatan yang tinggi atau jawatan lain untuk menerima bayaran Bonus apakala jumlah gaji yang mereka terima bersama-sama dengan Elaun Pangkuan atau Tanggungan kerja dalam tempoh suku tahun yang akhir tersebut melebihi \$1,000.00 atau apakala pangkuan itu. diberhentikan gaji mereka menjadi kurang daripada \$1,001.00.

3. Adalah dengan ini dijelaskan bahawa pembayaran Bonus adalah berdasarkan kepada 1/12 daripada gaji bersih yang diterima tiap-tiap bulan termasuk Elaun Memangku atau Elaun Tanggungan kerja. Pekerja-pekerja yang menerima gaji yang berjumlah \$1,001.00 ke atas termasuk Elaun Memangku/Elaun Tanggungan Kerja tidak layak dibayar Bonus dalam tempoh suku akhir bersangkutan. Oleh itu pekerja-pekerja yang mula memangku atau berhenti memangku dalam suku tahun yang akhir itu Bonus bolehlah dibayar sekiranya gaji bersih campur Elaun Memangku/Elaun Tanggungan Kerja adalah kurang daripada \$1,000.00 sebulan.

Misalnya:-

- (a) Bagi pekerja-pekerja yang memangku mulai dari 1.12.75 dan menerima jumlah gaji (gaji bersih campur Elaun Memangku) melebihi \$1,001.00 adalah berkelayakan menerima Bonus bagi tempoh 1.10.75 hingga 30.11.75 bila mana gajinya kurang daripada \$1,000.00 sebulan. Walau bagaimanapun, Bonus tidak boleh dibayar kepada beliau untuk tempoh 1.12.75 hingga 31.12.75.
- (b) Bagi pekerja-pekerja yang menerima Elaun Tanggungan Kerja yang berakhir pada 30.11.75 yang menyebabkan gaji menjadi kurang daripada \$1,000.00 pada 1.12.75 bolehlah menerima Bonus bagi tempoh 1.12.1975 hingga 31.12.1975. Walau bagaimanapun, pekerja-pekerja tersebut tidak boleh dibayar Bonus untuk tempoh 1.10.1975 hingga 30.11.1975.

Saya yang menurut perintah,

(AHMAD TAJUDDIN BIN MUHD.

DARUS)

Bahagian Gaji,

b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan

Awam,

Malaysia.

Semua Ketua Setiausaha Kementerian.  
Semua Ketua Jabatan.

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri.

s.k. Akauntan Negara,  
Malaysia,  
Kuala Lumpur.

" Semua Badan-badan Berkanun dan  
Penguasa-penguasa Tempatan.